

14/06/2001

NGO pertahan isu alam sekitar berdasar bukti

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar, mempertahankan isu yang dibangkitkan, yang didakwa berdasarkan bukti serta fakta.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Datuk Dr Salleh Mohd Nor, berkata, MNS yang ditubuhkan sejak 60 tahun lalu, menjalankan tanggungjawab sebagai pemerhati alam sekitar demi kepentingan rakyat dan negara.

"Apa yang kita dapati merosakkan alam sekitar, kita akan usulkan kepada kerajaan secara teratur kerana alam ini milik kita bersama.

"Saya harap kerajaan menerima secara positif saranan atau komen yang diberikan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa NGO yang kononnya memperjuangkan isu alam sekitar dengan membantah projek empangan hidro elektrik, sebenarnya berniat memalukan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, NGO terbabit juga sanggup menipu rakyat supaya menentang projek pembangunan kerajaan untuk kebaikan mereka kerana badan terbabit lebih berminat mengekalkan alam sekitar untuk negara kaya.

Beliau berkata, keadaan ini mungkin disebabkan tindakan NGO negara kaya yang menghasut rakyat serta NGO tempatan supaya membantah pembangunan yang ingin dilaksanakan kerajaan untuk kebaikan negara.

Perdana Menteri berkata, walaupun semua pihak perlu mengambil berat mengenai alam sekitar, keprihatinan itu tidak wajar sampai ke tahap menjadikan golongan miskin itu lebih miskin.

Ketua Unit Perhubungan Awam Tabung Alam Sedunia (WWF) Malaysia, Teoh Teik Hoong juga berkata pihaknya bertindak sebagai badan pemerhati alam sekitar serta sering melakukan pelbagai program bersama kerajaan.

(END)